

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 20NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7230**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak-pihak yang menubuhkan pasukan ala keselamatan persendirian tanpa lesen dan berapakah jumlah kes seumpama ini di negara kita.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya pertanyaan Yang Berhormat itu bermaksud untuk mendapatkan penjelasan mengenai penubuhan syarikat kawalan keselamatan yang berlesen, Kementerian Dalam Negeri mempunyai garis panduan dan syarat – syarat tertentu yang perlu dipenuhi oleh mana – mana pihak yang ingin memohon lesen sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Agensi persendirian 1971.**

**Jika sekiranya pertanyaan Ahli Yang Berhormat bermaksud untuk mendapatkan penjelasan mengenai penubuhan sebuah pertubuhan seperti mana penubuhan Pasukan Peronda Sukarela(PPS) di Pulau Pinang, pertubuhan tersebut telahpun diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang – undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Pasukan tersebut tidak boleh menjalankan aktiviti mengawal keselamatan.**

**Ingin saya mengingatkan kepada semua pihak, janganlah kita sewenang – wenangnya mengambil inisiatif tersendiri dalam mengawal keselamatan dengan mengetepikan undang – undang terutamanya Perlembagaan Persekutuan kerana tanggungjawab menjaga keselamatan adalah tanggungjawab Polis DiRaja Malaysia sepertimana yang telah termaktub di bawah perkara 74, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan.**